

# UMNO hadir Kongres Maruah Melayu

*Annuar Musa ketuai rombongan UMNO ke kongres di Shah Alam Ahad ini*

FOTO: ZAHID IZZANI

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR

**S**etiausaha Agung UMNO, Tan Sri Annuar Musa akan mengetuai rombongan UMNO ke Kongres Maruah Melayu yang dijadualkan berlangsung di Shah Alam Ahad ini.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, perkara itu telah diputuskan atas dasar menghormati penganjuran program berkenaan.

“Kita merasakan kongres Itu dianjurkan oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan badan bukan kerajaan (NGO).

“Maka kita rasakan penglibatan UMNO akan memberi sedikit sumbangan untuk menghormati penganjuran program berkenaan,” katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini semalam.

Zahid bagaimanapun tidak dapat memenuhi jemputan ke kongres berkenaan kerana mempunyai komitmen lain yang telah ditetapkan lebih awal.

“Saya ada komitmen awal untuk rasmikan konvensyen



Ahmad Zahid (kanan) bersama Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan (kiri) berucap pada sidang media Kongres Maruah Melayu di Bangunan UMNO, PWTC semalam. Gambar kecil: Annuar Musa.

UMNO Negeri Melaka dan merasmikan Pemukiman Puteri UMNO Malaysia seluruh negara pada hari sama,” katanya.

Sementara itu, Annuar dalam satu kenyataan berkata, UMNO menghormati pihak pengajur iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang difahamkan mengambil inisiatif membincangkan isu-isu berkaitan orang Melayu.

“Sebagai sebuah parti terbesar orang Melayu dan sebagai pelopor bersama Piagam Muafakat Nasional UMNO-Pas, UMNO berlapang dada dan mengambil sikap terbuka untuk hadir dan mengikuti perkembangan dan perbincangan yang menyentuh kepentingan orang

Melayu dan negara yang menjadi sebahagian daripada teras utama dalam perjuangan UMNO itu sendiri,” katanya.

Sebelum ini, Pas memutuskan akan menyertai Kongres Maruah Melayu diwakili oleh Presidennya sendiri, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Dalam perkembangan lain, Ahmad Zahid mengumumkan Perhimpunan Agung UMNO bagi tahun 2019 yang sebelum ini ditetapkan pada 13 hingga 16 November telah ditunda kepada 4 hingga 7 Disember akan datang.

Tarikh asal itu terpaksa diubah setelah bertindih dengan tarikh Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai yang telah ditetapkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada 16 November nanti.